

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, March 12, 2019 2:33 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MoU UUM-Qatar Airways Tawar Insentif Perjalanan Korporat



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

12 MAC 2019 / 05 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Unifilm

MoU UUM-QATAR AIRWAYS TAWAR INSENTIF PERJALANAN KORPORAT



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Qatar Airways telah menawarkan Insentif Perjalanan Korporat kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua pihak tersebut.

MoU itu telah ditandatangani Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani dan Pengurus Negara Malaysia dan Brunei Qatar Airways, Dato' Muzammil Mohamad di bilik mesyuarat Qatar Airways, semalam.

Naib Canselor berkata, UUM berhasrat untuk berkolaborasi dan bekerjasama dengan Qatar Airways sebagai pemain industri penerbangan dunia terkemuka dalam memformulasi model pembangunan jenama yang tepat bagi mencapai hasil kejayaan yang sama.

Menurutnya, beliau secara peribadi juga mendapati pendekatan pemasaran yang dibangunkan oleh syarikat penerbangan itu dalam strategi produk, harga dan promosi sangat relevan dengan penjenamaan semula dan amalan pemasaran yang diinginkan UUM.

Katanya, melalui pendekatan yang betul dan dimodelkan dengan Qatar Airways, UUM pasti dapat meningkatkan imej dan 'visibility' dengan industri khususnya dengan syarikat besar dunia.

"Di samping itu, saya juga berbesar hati apabila Qatar Airways menawarkan Insentif Perjalanan Korporat kepada UUM untuk semua staf dan pelajar universiti dengan pembelian tiket menerusi Uniutama Travel and Tours Sdn. Bhd. (UTTSB).

"Perjanjian ini memberikan manfaat secara langsung kepada UUM melalui penjimatan kos bagi perjalanan rasmi ke luar negara dan juga manfaat tambahan kepada staf dan pelajar UUM.

"Saya juga berharap pelajar UUM dialu-alukan untuk menjalani latihan industri dengan syarikat penerbangan terkemuka dunia ini," katanya pada Majlis Menandatangani MoU Antara UUM dan Qatar Airways.

Naib Canselor berkata, beliau berharap dengan kerjasama itu juga Qatar Airways akan menjadi pintu masuk kepada UUM untuk menembusi negara luar bagi tujuan mempromosikan program pengajian yang ditawarkan UUM.

Ini kerana, menurut beliau, Qatar Airways mempunyai rangkaian lebih 160 destinasi di seluruh dunia, justeru UUM ingin memanfaatkan peluang tersebut dengan adanya kerjasama dengan syarikat penerbangan itu.

Sementara itu, Dato' Muzammil berkata, kerjasama ini adalah satu berita gembira kerana Qatar Airways dapat bekerjasama dengan universiti tempatan yang mana ia memanfaatkan kepada kedua pihak.

Menurutnya, kini komuniti UUM dapat akses ke 160 destinasi seluruh dunia dengan terbang bersama Qatar Airways melalui Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Qatar Airways, syarikat penerbangan berpusat di Asia Barat telah menjadikan Kuala Lumpur destinasi syarikat penerbangan itu sejak Disember 2001 dan Pulau Pinang pada Februari tahun lalu dan dijangka akan beroperasi di Pulau Langkawi pada tahun ini.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.